

# Benua Antartika harus jadi milik sejagat

UM 24 FEB 2002

KUALA LUMPUR 23 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, benua Antartika seharusnya menjadi milik sejagat dan bukannya menjadi milik sesebuah negara meskipun menjadi negara pertama menjumpainya.

Tegas Perdana Menteri, konsep memiliki sesuatu semata-mata kerana menjadi orang pertama menjumpainya adalah tidak munasabah.

Katanya, apa jua tempat baru yang dijumpai seharusnya menjadi milik sejagat dan bukannya milik sesebuah negara.

“Konsep itu salah. Setahu kita benua ini tidak didiami manusia. Benua ini boleh ditadbir oleh satu pihak tetapi ia seharusnya menjadi milik manusia sejagat,” katanya.

Pada masa ini sudah terdapat tujuh negara menuntut hak ke atas benua Antartika itu.

Beliau berkata demikian dalam wawancara khas yang dikendalikan oleh stesen televisyen satelit Astro di atas kapal Kapitan Dranitsyn di Antartika pada 12 Februari lalu.

Wawancara tersebut disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) melalui TV1 malam ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau

menentang sikap manusia yang gemar menuntut hak milik tanah kerana mereka sebenarnya tidak mempunyai hak.

“Mereka tidak berhak. Ia bukannya seperti raja-raja dahulu yang menjumpai sesuatu tanah dan menjajahnya sedangkan tanah itu sudah pun didiami oleh penduduk asli.

“Mereka tidak menjumpai tempat baru kerana tempat itu sudah pun dijumpai,” ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, tidak menjadi kesalahan bagi manamana negara untuk menjalankan kajian dan mendirikan stesen penyelidikan di benua tersebut.

“Jika sekadar mendirikan stesen penyelidikan, saya fikir mereka berhak berbuat demikian kerana ia juga menjadi milik mereka,” ujar beliau.

Katanya, bagi memastikan ketelusan semua pihak dalam menjalankan kajian, beliau mencadangkan supaya sebuah badan antarabangsa ditubuhkan untuk mengawasi semua kajian dan mempunyai akses kepada segala maklumat hasil daripada penyelidikan itu.

Perdana Menteri menegaskan, kehadiran Malaysia di Antartika bukan bertujuan untuk mendapatkan hasil minyak dari perut

bumi benua itu meskipun Malaysia mempunyai kepakaran untuk berbuat demikian.

Katanya, masih terdapat banyak tempat di dunia ini boleh diterokai untuk mendapatkan minyak.

“Kita tidak perlu datang ke sini untuk menggali minyak kerana ia pasti akan memusnahkan persekitaran. Malah, kita akan mencemarkan atau merosakkan habitat haiwan asli di sini.

“Saya tidak mahu benua ini dieksploitasi sampai bila-bila pun,” katanya.

Menyentuh mengenai kehadiran beliau bersama tiga menteri kabinet, Dr. Mahathir berkata, ia bukan sekadar untuk menyuarakan kebimbangan Malaysia, tetapi hendak menyatakan minat terhadap benua ini.

“Kita juga berminat menyelidik benua Antartika ini dan menilai potensi penyelidikan tempat ini. Sebab itulah saya membawa bersama tiga menteri kabinet iaitu Menteri Sains dan Menteri Luar kerana ingin mengetahui sama ada pihak lain membuat tuntutan hak milik benua itu dan Menteri Pertahanan pula berminat dalam penguasaan ketenteraan oleh pihak lain,” katanya.